



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI KONTRAK
DI JABATAN STANDARD MALAYSIA
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)**

Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) mempelawa **graduan yang telah menamatkan pengajian dan memperoleh keputusan senat universiti** pada tarikh tutup iklan ini bagi memohon jawatan sebagai **PEGAWAI TADBIR GRED N41 secara CONTRACT OF SERVICE (COS)**.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEGAWAI TADBIR GRED N41
(CONTRACT OF SERVICE)**

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan ini;
- c) Memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - ii. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- e) Berkebolehan menggunakan aplikasi MS Word, MS Excel dan MS Powerpoint;
- f) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan lancar;
- g) Boleh bekerja dalam tekanan dan mempunyai kemahiran komunikasi yang baik; dan
- h) Mempunyai tahap kesihatan yang optimum.

MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	Pegawai Tadbir Gred N41
Jabatan/Kementerian	:	Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
Lokasi	:	Jabatan Standard Malaysia Level 4-7, Menara 2, Menara Cyber Axis, Jalan Impact, 63000 Cyberjaya, Selangor
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Kumpulan perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Gaji	:	Gaji permulaan RM2080.00
Tempoh Perkhidmatan	:	Januari 2024 – 31 Disember 2025



DESKRIPSI TUGAS

1. Membangunkan draf dokumen Malaysian Standard (MS) dan menyelenggara MS yang dibangunkan;
2. Menguruskan mesyuarat jawatankuasa Pembangunan standard di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
3. Menyelaraskan penglibatan pakar di peringkat antarabangsa SMIIC/ISO/IEC;
4. Memberikan undian/ ulasan/ komen terhadap draf standard antarabangsa SMIIC/ISO/IEC berdasarkan input daripada ahli jawatankuasa yang berkaitan;
5. Menguruskan penganjuran bengkel pembangunan draf MS;
6. Menguruskan penganjuran Seminar/ Program promosi berkaitan standard;
7. Menyelaraskan penjualan dokumen standard;
8. Menyelenggara data pakar, projek dan dokumentasi dalam sistem Pembangunan standard;
9. Menyelenggara sistem sokongan aktiviti standardisasi; dan
10. Melaksanakan sesi libat urus dengan pemegang taruh untuk mempromosikan penggunaan standard.

CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- i. Calon yang sedang berkhidmat secara tetap dengan Kerajaan Malaysia tidak layak memohon sebagai Pegawai Tadbir Gred N41 (*Contract of Service*)
- ii. Pernah ditamatkan atau dibuang kerja dari Perkhidmatan Awam;
- iii. Seorang bankrap; dan
- iv. Memperoleh keputusan senat universiti selepas **30 November 2023**

CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

Kepada calon yang berminat, sila muat turun Borang Permohonan Pegawai Kontrak (*Contract of services*) seperti yang dilampirkan melalui pautan berikut:

<https://drive.google.com/file/d/10V5Vn765OaAXLE-AQD8NTcOFp9XGPvoy/view?usp=sharing>

Atau imbas kod QR berikut:



Borang yang telah dilengkapkan perlu dihantar bersama dengan **salinan kad pengenalan dan sekeping gambar berukuran passport** ke alamat e-mel yang berikut:

vacancy@jsm.gov.my

Borang yang dihantar secara *hardcopy* TIDAK akan diterima dan diproses.



JABATAN STANDARD MALAYSIA
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
Aras 4-7, Tower 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6, 63000 CYBERJAYA, SELANGOR



Tel : +603-8008 2900
Faks : +603-8008 2901
Portal : www.jsm.gov.my
E-mail : central@jsm.gov.my

MAKLUMAT DAN PERHATIAN

Calon yang lulus temu duga dan ditawarkan jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 (Contract of Service) hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat-syarat di dalam surat tawaran serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Kerajaan tidak berkewajipan untuk melantik Pegawai ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam. Apa-apa permohonan bagi maksud pelantikan tetap perlu dibuat terus kepada Suruhanjaya atau pihak berkuasa melantik berdasarkan syarat dan peraturan yang berkuat kuasa sekiranya Pegawai berhasrat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam."

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

30 November 2023.